A

HANIZAM HASSAN lwn. PENGERUSI LEMBAGA PENCEGAHAN JENAYAH & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: 25-06-11-2014]
B 20 MAC 2015

PROSEDUR JENAYAH: *Penangkapan – Perintah reman – Sama ada perintah reman oleh Majistret menurut peruntukan undang-undang – Sama ada pemohon dibawa ke hadapan pegawai inkuiri 'dengan secepat mungkin' – Sama ada terdapat*
C *kelewatan yang melampau – Sama ada pemohon diprejudis – Akta Pencegahan Jenayah 1959, ss. 4(1)(a), (2)(a) & 6*

PROSEDUR JENAYAH: *Penangkapan – Perintah reman – Bidang kuasa mahkamah – Perkara jenayah berlaku di Negeri Kedah dan Perlis – Sama ada*
D *Majistret di Kuala Lumpur boleh mengeluarkan perintah tahanan reman – Sama ada s. 4(1)(a) dan (2)(a) Akta Pencegahan Jenayah 1959 merujuk kepada 'Majistret' dan bukan 'Mahkamah Majistret' – Seksyen 28(1) dan (3) Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada membolehkan orang yang ditangkap dibawa ke hadapan mana-mana Majistret*

E ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Siasatan polis – Permohonan untuk membatalkan perintah reman – Sama ada pegawai penyiasat dilantik Menteri – Sama ada pegawai penyiasat telah mematuhi segala tatacara – Sama ada salinan dapatan pegawai penyiasat diserahkan kepada pemohon dengan 'serta-merta' – Sama ada pendaftaran nama pemohon sebelum disahkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah*
F *bercanggah dengan peruntukan undang-undang – Sama ada kegagalan menyerahkan sesalinan keputusan Lembaga kepada pemohon dengan serta-merta satu kecacatan prosedur – Akta Pencegahan Jenayah 1959, ss. 8, 10(2), (3)(b) & (4) – Akta Keterangan 1950, s. 114(e)*

PROSEDUR JENAYAH: *Tertuduh – Hak untuk diwakili peguambela – Tahanan*
G *reman – Sama ada orang yang menjadi subjek inkuiri dan saksi inkuiri boleh diwakili peguambela – Akta Pencegahan Jenayah 1959, s. 9(5)*

Pada 7 April 2014, pemohon telah ditangkap oleh sepasukan anggota polis kerana disyaki terlibat dengan perbuatan membakar mesin yang diklasifikasikan di bawah s. 435 Kanun Keseksaan ('Kanun') dan telah
H ditahan dan dibawa ke lokap Balai Polis Kangar, Perlis. Pegawai tangkapan telah membuat laporan tangkapan sebagaimana Simpang Empat Repot No: 420/14 yang mengesahkan bahawa pemohon telah ditangkap oleh sepasukan polis dari cawangan D7 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman berkaitan dengan Kangar Repot No: 363/13 bertarikh 13 Januari 2013. Pada
I pagi hari yang sama, pemohon telah dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar, Perlis untuk mendapatkan perintah reman bagi tujuan siasatan di bawah

s. 435 Kanun. Majistret telah membenarkan pemohon ditahan selama dua hari. Pada 8 April 2014, semasa dalam tahanan di Lokap Balai Polis Kangar, pemohon telah dimaklumkan bahawa dia akan dibawa ke Bukit Aman untuk siasatan lanjut berkaitan Kangar Repot No: 363/13 tersebut. Setibanya di Kuala Lumpur, pemohon telah ditahan di Lokap Berpusat Balai Polis Jinjang dan pada 09 April 2014, pemohon telah dibawa ke Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur bagi mendapatkan perintah tahanan reman selama 21 hari. Pada 29 April 2014, sekali lagi pemohon telah dibawa ke Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur untuk mendapatkan perintah tahanan reman selama 38 hari lagi. Seterusnya inkuiri telah dijalankan terhadap pemohon pada 7 Mei 2014 dan dapatan pegawai inkuiri di bawah s. 10(2) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('Akta') telah dikeluarkan pada 14 Mei 2014 dan diserahkan kepada pemohon pada 16 Mei 2014. Pada 4 Jun 2014, perintah pengawasan polis di bawah s. 15 Akta, yang mengenakan sekatan tempat tinggal pemohon, telah dikeluarkan dan diserahkan kepada pemohon. Pemohon telah memperolehi kebenaran untuk memfailkan semakan kehakiman di bawah A. 53 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk, antara lain, (i) semakan dan pembatalan perintah di bawah s. 15 Akta, (ii) semakan dan pembatalan dapatan pegawai inkuiri di bawah s. 10(2); dan (iii) pembatalan nama pemohon dari senarai daftar di bawah s. 12(1) Akta. Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh pemohon adalah: (i) tahanan reman yang dibuat oleh Majistret, Mahkamah Majistret Jalan Duta di bawah s. 4(1)(a) Akta, selama 21 hari, dan di bawah s. 4(2)(a) Akta selama 38 hari, adalah bercanggah dengan peruntukan s. 76(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 ('AMR'); (ii) responden-responden telah gagal mematuhi peruntukan s. 6 Akta yang memerlukan pemohon dibawa ke hadapan pegawai inkuiri '… dengan secepat mungkin …'. Pemohon hanya dibawa ke hadapan pegawai inkuiri dalam tempoh 28 hari dan ianya bercanggah dengan s. 6 Akta; (iii) responden-responden gagal membuktikan bahawa Intan Noorashikin ('Intan') adalah pegawai inkuiri bagi maksud s. 8 Akta dan pegawai siasatan gagal memperjelaskan hak pemohon untuk diwakili oleh peguambela yang merupakan keperluan mandatori di bawah s. 9(5) Akta; (iv) responden-responden gagal mematuhi s. 10(2) Akta yang memerlukan pegawai inkuiri melaporkan alasan-alasan bersama dapatannya kepada Lembaga Pencegahan Jenayah ('Lembaga') dan orang yang menjadi hal-perkara siasatan hendaklah dengan serta-merta disampaikan suatu salinan dapatan pegawai inkuiri; (v) responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 10(3)(b) Akta apabila pegawai siasatan telah mendaftarkan nama pemohon sebagai 'registered person' sebelum Lembaga bersidang dan mengesahkan dapatan pegawai siasatan; dan (vi) kegagalan responden-responden mematuhi peruntukan s. 10(4) Akta yang mewajibkan orang yang ditahan diserahkan sesalinan keputusan Lembaga.

A B C D E F G H I

Diputuskan (membenarkan permohonan pemohon dengan kos):

(1) Terdapat peruntukan khusus berkaitan reman melibatkan Akta tersebut iaitu s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta. Peruntukan s. 117 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') adalah peruntukan am dan ia tidak terpakai memandangkan telah ada peruntukan yang khusus. Oleh itu, doktrin *generalia specialibus non derogant* terpakai. Seksyen 76(2) AMR menyentuh bidang kuasa Mahkamah Majistret dalam konteks kes jenayah. Dalam kes di hadapan mahkamah, pemohon bukan menghadapi pertuduhan kesalahan jenayah yang berakhir dengan sabitan dan hukuman. Sebaliknya pemohon telah pun diperintahkan dengan suatu perintah di bawah Akta yang kini menjadi hal perkara yang dicabar oleh pemohon. (perenggan 29 & 30)

(2) Peruntukan s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta merujuk kepada perkataan 'Magistrate' dan bukan 'Magistrate's Court'. Oleh itu, walaupun perkara jenayah dikatakan berlaku di Negeri Kedah dan Perlis, Majistret di Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan reman di bawah peruntukan s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta dan ia tidak tertakluk kepada peruntukan s. 76(2) AMR yang menetapkan 'bidang kuasa tempatan'. Sekiranya peruntukan s. 117 KTJ terpakai, ia perlu dibaca bersama s. 28 KTJ di mana s. 28(1) dan (3) KTJ membolehkan orang yang ditangkap dibawa ke hadapan mana-mana Majistret dan bukannya terhad kepada Mahkamah Majistret. Permohonan reman juga boleh dipohon di hadapan mana-mana Majistret dan ia tidak tertakluk kepada peruntukan s. 76(2) AMR yang menetapkan bidang kuasa tempatan Mahkamah Majistret bagi kes jenayah. Oleh itu permohonan reman atas pemohon tidak bercanggah sama sekali dengan peruntukan Akta. (perenggan 31-34)

(3) Tugas pegawai inkuiri hanya boleh bermula apabila seseorang subjek ditahan lanjut selama 38 hari selepas perintah reman kali kedua di bawah s. 4(2)(a) dikeluarkan. Inkuiri dijalankan bagi menentukan sama ada terdapat keterangan munasabah bahawa mana-mana subjek merupakan anggota ke atas mana-mana kategori yang berdaftar. Inkuiri tersebut akan dijalankan terhadap siasatan yang telah dijalankan oleh pihak polis. Pegawai inkuiri telah menjalankan tugas-tugasnya selepas reman kedua dikeluarkan di bawah s. 4(2)(a) Akta. Mahkamah boleh mengambil notis kehakiman bahawa pegawai inkuiri telah bertindak secara 'convenient speed' dalam membuat dapatan serta laporan dan mematuhi kehendak s. 6 Akta. Oleh itu, jelas tiada kelengahan atau kelewatan yang melampau sehingga memprejudiskan pemohon. (perenggan 43, 46 & 49)

(4) Tiada keperluan untuk mengemukakan bukti bahawa Intan telah dilantik oleh Menteri bagi maksud peruntukan s. 8 Akta kerana afidavit sokongan pemohon sendiri secara jelas mengakui bahawa Intan adalah

pegawai siasatan yang dilantik oleh Menteri bagi maksud peruntukan s. 8 Akta. Segala tindakan yang dilakukan oleh Intan dan pegawai penyiasat polis, Inspektor Mohamad Sukri ('Sukri') adalah tugas-tugas rasmi. Berdasarkan anggapan di bawah s. 114(e) Akta Keterangan 1950, mahkamah boleh mengandaikan bahawa segala tatacara telah dipatuhi. (perenggan 76 & 79)

(5) Menurut Rang Undang-undang Akta tersebut di mana s. 9(5) dimasukkan dan huraian yang diperuntukkan di bawah perenggan 8 menyebut bahawa '... orang yang menjadi subjek inkuiri dan saksi dalam inkuiri tidak boleh diwakili oleh peguambela dan peguamcara ...' Penyata rasmi Parlimen tersebut boleh digunakan dalam mentafsirkan sesuatu statut atau untuk mengetahui niat Parlimen semasa menggubal peruntukan Akta tersebut. (perenggan 80 & 82)

(6) Berlaku kelewatan dua hari untuk menyerahkan salinan dapatan pegawai inkuiri kepada pemohon. Parlimen telah menetapkan di bawah s. 10(2) Akta bahawa dapatan perlu diserahkan 'serta-merta' dan tempoh dua hari tidak termasuk dalam konteks 'serta-merta'. Oleh itu, responden-responden telah gagal mematuhi peruntukan s. 10(2) Akta. Malahan, alasan yang diberikan oleh Sukri yang kononnya terikat dengan tugasan rasmi lain tidak boleh diterima. (perenggan 90, 91 & 93)

(7) Pendaftaran nama pemohon dalam Bahagian III hanya akan dilakukan selepas Lembaga mengesahkan dapatan pegawai siasatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 10(3)(b) Akta. Seksyen 10(3)(b) perlu dibaca bersama dengan s. 12(1)(a) dan (b) Akta. Tindakan Pendaftar yang mendaftarkan nama pemohon sebelum ia disahkan oleh Lembaga adalah bercanggah dengan peruntukan yang berkaitan dan oleh itu, menjadi satu ketidakpatuhan prosedur yang memihak kepada pemohon. (perenggan 119-121)

(8) Adalah jelas daripada keterangan bahawa keputusan Lembaga sememangnya tidak diserahkan kepada pemohon. Oleh itu, responden-responden telah gagal mematuhi peruntukan s. 10(4) Akta kerana gagal menyerahkan sesalinan keputusan Lembaga kepada pemohon dengan serta-merta. Ia adalah satu kecacatan prosedur yang mewajarkan pemohon mempertikaikan perintah tersebut. (perenggan 125, 130 & 132)

Kes-kes yang dirujuk:

Ang Gin Lee v. PP [1991] 2 CLJ 857; [1991] 1 CLJ (Rep) 13 SC ***(dirujuk)***

Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd [1994] 4 CLJ 285 FC ***(dirujuk)***

Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 3 CLJ 914 FC ***(dirujuk)***

Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 4 CLJ 613 FC ***(dirujuk)***

A *Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2006] 4 CLJ 687 FC* ***(dirujuk)***
Murally Krishnan v. The Deputy Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors [2012] 1 LNS 112 HC ***(dirujuk)***
Parasuraman Velu v. Ketua Polis Negara, Malaysia & Ors [2006] 1 LNS 248 HC ***(dirujuk)***
B *Pemungut Hasil Tanah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang v. Ong Gaik Kee [1983] 1 LNS 14 FC* ***(dirujuk)***
PP v. Rajappan Chinna Kounder [1986] 1 CLJ 175; [1986] CLJ (Rep) 217 SC ***(dibezakan)***
Queen v. The Justices of Berkshire[1879] 4 QBD 469 ***(dirujuk)***
C *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister Of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 1 LNS 129 FC* ***(dirujuk)***
Saifuddin bin Hassan (Rayuan Jenayah No: 05-3-2012) (unreported) ***(dirujuk)***
Sivarasa Rasiah v. Badan Peguam Malaysia & Anor [2010] 3 CLJ 507 FC ***(dirujuk)***
SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***
D *Su Yu Min v. Ketua Polis Negeri & Ors [2005] 3 CLJ 875 HC* ***(dirujuk)***
Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Liau Nyun Fui [1991] 1 CLJ 458; [1991] 1 CLJ (Rep) 458 SC ***(dibezakan)***
Zulkri Yakub v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2012] 1 LNS 925 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
E Criminal Procedure Code, ss. 28(1), (3), 117(1), (2), 307
Customs Act 1967, s. 116C
Evidence Act 1950, s. 114(e)
Kidnapping Act 1961, s. 12
Penal Code, s. 435
F Prevention of Crime Act 1959, ss. 2(1), 3(1), 4(1)(a), (b), (2)(a), 6, 8, 9(3)(a)(b), (5), 10(1), (2), (3)(b), (4), 12(1), 15A, 14, 21A
Rules of Court 2012, O. 53 r. 3
Subordinate Courts Act 1948, s. 76(2)

Bagi pihak pemohon - Zamri Ibrahim; T/n Zamri Ibrahim & Co
G *Bagi pihak responden-responden - Sofiah Mohmad Sopah; Peguam Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri*

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

H **Abu Bakar Katar PK:**

[1] Pada 7 April 2014, jam lebih kurang 2.45 pagi, sepasukan anggota polis dari cawangan D7, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman telah datang ke rumah pemohon di No. 242, Jalan Bohor Lalang, Simpang Empat, 02700 Kangar, Perlis.
I

[2] Seterusnya pemohon telah ditangkap kerana disyaki terlibat dengan perbuatan membakar mesin yang diklasifikasikan di bawah s. 435 Kanun Keseksaan (Kanun itu). Beliau kemudiannya telah ditahan dan dibawa ke lokap Balai Polis Kangar, Perlis. A

[3] Pegawai tangkapan iaitu Mohd Said bin Mamat kemudiannya telah membuat laporan tangkapan sebagaimana Simpang Empat Repot No. 420/14 bertarikh 7 April 2014 (eks. "HBH1"). Laporan ini mengesahkan pemohon telah ditangkap oleh sepasukan polis dari cawangan D7 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman berkaitan dengan Kangar Repot No. 363/13 bertarikh 13 Januari 2013 (eks. "HBH2"). B

[4] Pada jam 10 pagi hari yang sama, pemohon telah dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar, Perlis untuk mendapat perintah reman bagi tujuan siasatan di bawah s. 435 Kanun itu. Majistret itu telah membenarkan pemohon ditahan selama dua hari. C

[5] Pada 8 April 2014, jam 5 petang, semasa dalam tahanan di lokap Balai Polis Kangar, pemohon telah dimaklumkan akan dibawa ke Bukit Aman untuk siasatan lanjut berkaitan Kangar Repot No. 363/13 tersebut. D

[6] Apabila pemohon sampai di Kuala Lumpur, beliau telah ditahan di lokap berpusat Balai Polis Jinjang pada jam 11 malam. Pada 9 April 2014, jam 10 pagi, pemohon telah dibawa ke Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur bagi mendapatkan perintah tahanan reman selama 21 hari. E

[7] Pada 29 April 2014, jam 10 pagi, sekali lagi pemohon telah dibawa ke Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur untuk mendapatkan perintah tahanan reman selama 38 hari lagi.

[8] Seterusnya inkuiri telah dijalankan terhadap pemohon pada 7 Mei 2014 dan dapatan Pegawai Inkuiri di bawah s. 10(2) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (eks. "HBH-3") ("Akta itu") telah dikeluarkan pada 14 Mei 2014 dan diserahkan kepada pemohon pada 16 Mei 2014. F

[9] Perintah pengawasan polis di bawah s. 15 Akta itu bertarikh 4 Jun 2014 (eks. "HBH-4") ("perintah itu") telah dikeluarkan dan diserahkan kepada pemohon pada tarikh yang sama yang mengenakan sekatan tempat tinggal pemohon dalam kawasan Mukim Jimah, Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan. Pada hari yang sama, pemohon telah dibawa dari lokap berpusat Balai Polis Jinjang, Kuala Lumpur ke Balai Polis Lukut, Port Dickson untuk lapor diri. G H

[10] Pemohon kemudiannya telah memperolehi kebenaran untuk memfailkan semakan kehakiman di bawah A. 53 k. 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM) melalui Saman Pemula No. 24NCVC-76-7/2014. Permohonan semakan kehakiman kemudiannya telah difailkan di lampiran (4) bagi mendapatkan perintah-perintah yang berikut: I

A

1. Menyemak semula dan membatalkan Perintah Pengawasan Polis di bawah Seksyen 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 terhadap Pemohon bertarikh 04 Jun 2014.

2. Menyemak semula dan membatalkan dapatan Pegawai Inkuiri Di Bawah Seksyen 10 (2) Akta Pencegahan Jenayah 1959 bertarikh 14.05.2014.

B

3. Membatalkan nama Pemohon dari senarai Daftar dibawah Seksyen 12(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959.

[11] Mahkamah ini telah meneliti penghujahan bertulis yang difailkan oleh peguam pemohon yang terpelajar dan beliau memfokuskan beberapa isu yang ditonjolkan berkaitan ketidakpatuhan prosedur yang diperuntukkan di bawah Akta itu oleh responden-responden sebelum perintah itu dikeluarkan terhadap pemohon. Peguam pemohon yang terpelajar telah mendasarkan permohonannya berdasarkan isu-isu berikut:

C

D

(a) Pelanggaran s. 76(2) Akta Mahkamah Rendah 1948;

(b) Pelanggaran s. 6 Akta itu;

(c) Pelanggaran ss. 8 dan 9 Akta itu;

(d) Pelanggaran s. 9(5) Akta itu;

E

(e) Pelanggaran s. 10(2) Akta itu;

(f) Pelanggaran s. 10(3)(b) Akta itu; dan

(g) Pelanggaran s. 10(4) Akta itu.

[12] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar, eloklah diimbau sejenak tugas mahkamah ini dalam menggarap permohonan semakan kehakiman yang melibatkan kebebasan individu. Mahkamah ini merujuk kes tersohor *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister Of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 1 LNS 129; [1976] 2 MLJ 245 di halaman 250 dan 251 yang menyatakan:

F

G

> Preventive detention is the detention of a person without trial as opposed to punitive detention where a person is detained after a trial in a court of law in which he is proved to have committed an offence punishable under certain provisions of the penal law. Preventive detention is, therefore, a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard that is provided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the court. In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorising detention without trial must be strictly construed and safeguards which the law deliberately provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the

H

I

detention cannot be held to be in accordance with the procedure established by the law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of *habeas corpus* is entitled to avail himself of any technical defects which may invalidate the order which deprives him of his liberty. See *Ex parte Johannes Choeldi & Ors* [1960] MLJ 184.

One of the functions of the courts is to interpret the law. An inherent part of their function is to see that the executive acts within the law and does not encroach unnecessarily into the realm of liberty of the subject. In fact, Article 5(1) of the Constitution guarantees that "no person shall be deprived of his liberty except in accordance with the law". If this constitutional guarantee is to have any real meaning at all, then it is imperative that the courts should intervene whenever the liberty of the subject is encroached upon not in accordance with the law.

[13] Mahkamah ini selanjutnya merujuk kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 3 CLJ 914, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan hanya jika terdapat berlakunya ketidakpatuhan atau pelanggaran kepada mana-mana kehendak atau keperluan prosedur maka barulah permohonan semakan kehakiman boleh dibenarkan. YA Abdul Hamid Mohamed HMP (ketika itu) telah menggariskan prinsip undang-undang mengenai semakan kehakiman dalam kes-kes tahanan pencegahan seperti berikut:

In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in a *habeas corpus* application where the detention order of the Minister made under s. 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent ss. In ISA 1960 and DD(SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirements then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance.

[14] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam nas-nas duluan yang dirujuk sebelum ini, mahkamah ini akan menimbangkan sama ada pemohon berjaya menonjolkan ketidakpatuhan prosedur yang telah ditetapkan dalam Akta itu sebelum responden-responden mengeluarkan perintah itu terhadap pemohon.

A **Bagi Isu (a)**

[15] Peguam pemohon yang terpelajar telah menghujahkan tahanan reman yang dibuat oleh Majistret, Mahkamah Majistret Jalan Duta di bawah s. 4(1)(a) Akta itu pada 9 April 2014, selama 21 hari dan di bawah s. 4(2)(a) Akta itu selama 38 hari itu bercanggah dengan peruntukan s. 76(2) Akta
B Mahkamah Rendah 1948 (AMR).

[16] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 76(2) AMR yang memperuntukkan seperti berikut:

> C Subject to this Act or any other written law, a Magistrates' Court shall have jurisdiction to hear and determine any civil or criminal cause or matter arising within the local limits of jurisdiction assigned to it under this section, or, if no such local limits have been assigned, arising in any part of the local jurisdiction of the respective High Court:
>
> D Provided that no Magistrate shall have jurisdiction to hear or determine any cause or matter arising in any State in and for which he has not been appointed to be a Magistrate save in manner and to the extent provided in the Criminal Procedure Code and the law for the time being in force relating to civil procedure.

[17] Peguam pemohon yang terpelajar telah menghujahkan bidang kuasa
E Majistret terikat dengan peruntukan di bawah s. 76(2) AMR. Sehubungan dengan ini, kuasa Majistret terhad kepada kausa atau perkara sivil atau jenayah yang timbul di dalam had bidang kuasa tempatan yang diperuntukkan kepadanya. Seseorang Majistret tidak ada bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan apa-apa kausa atau perkara yang timbul di negeri selain dari negeri yang ia dilantik melainkan dengan cara dan setakat
F yang ditetapkan dalam Kanun Prosedur Jenayah.

[18] ASP Azheim bin Abu Bakar melalui afidavit jawapannya bertarikh 11 Disember 2014, di perenggan 4 mengesahkan ia telah membuat tangkapan ke atas pemohon di bawah s. 3(1) Akta itu pada 8 April 2014, jam lebih
G kurang 1.50 tengah hari di hadapan Balai Polis Kangar, Perlis. Di perenggan 6 pula ia telah mengesahkan bahawa tangkapan dibuat kerana mempercayai ada alasan-alasan yang mewajarkan satu inkuiri diadakan ke atas pemohon di bawah Akta itu.

[19] Selanjutnya, peguam pemohon yang terpelajar telah menarik
H perhatian mahkamah ini kepada perenggan 6 dan 9 afidavit jawapan bertarikh 2 Disember 2014, Inspektor Polis Mohamad Sukri bin Ishak ("Sukri"). Sukri telah kemukakan pemohon di hadapan Majistret Kuala Lumpur pada 9 April 2014 untuk mendapatkan perintah tahanan reman selama 21 hari dan pada 29 April 2014 selama 38 hari ("perintah tahanan reman tersebut"). Bagi
I tujuan permohonan tahanan reman tersebut, Sukri telah menyediakan pernyataan bertulis pegawai polis bertarikh 2 April 2014 ("pernyataan tersebut") sebagaimana di eksibit dalam afidavit jawapannya bertarikh

2 Disember 2014 (eks. "MSI1"). Mengikut fakta yang dinyatakan pada perenggan 2, pernyataan tersebut mengesahkan bahawa perkara jenayah yang dikatakan melibatkan pemohon berlaku di negeri Kedah dan Perlis.

[20] Peguam pemohon yang terpelajar telah menegaskan permohonan dan perintah tahanan reman tersebut telah dibuat di bawah ss. 4(1)(a) dan 4(2)(a) Akta itu dan bukannya di bawah peruntukan s. 117 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ), bidang kuasa Majistret Kuala Lumpur yang mengeluarkan perintah tahanan reman tersebut terikat di bawah s. 76(2) AMR yang mengehadkan bidang kuasanya kepada perkara jenayah yang berlaku dalam Kuala Lumpur sahaja.

[21] Memandangkan perkara jenayah yang dikatakan melibatkan pemohon berlaku di negeri Kedah dan Perlis sebagaimana yang disahkan dalam pernyataan tersebut, maka perintah tahanan reman tersebut yang dikeluarkan terhadap pemohon pada 9 April 2014 (eks. "MSI-2" afidavit jawapan Sukri bertarikh 2 Disember 2014) dan pada 29 April 2014 (eks. "MS-3" afidavit jawapan Inspektor Polis Mohamad Sukri bin Ishak bertarikh 2 Disember 2014) ianya tidak sah. Peguam pemohon yang terpelajar menegaskan Majistret Kuala Lumpur sememangnya tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan permohonan perintah tahanan reman tersebut yang berkaitan dengan perkara jenayah yang dikatakan berlaku di Kedah dan Perlis. Selanjutnya, dihujahkan memandangkan perintah tahanan reman tersebut tidak sah maka tahanan ke atas pemohon dan perbuatan-perbuatan yang dilakukan selepas itu adalah juga tidak sah.

[22] Peguam pemohon yang terpelajar telah menarik perhatian mahkamah ini kepada suatu keputusan Mahkamah Agung (pada ketika itu) iaitu kes *PP v. Rajappan Chinna Kounder* [1986] 1 CLJ 175; [1986] CLJ (Rep) 217; [1986] 1 MLJ 152 yang ada menerangkan frasa bidang kuasa tempatan ("local jurisdiction") sebagaimana berikut:

> There has to be a statutory provision giving jurisdiction to a particular magistrate's court - usually the court of the place where the offender is found - to try the offence. As we all know the jurisdiction of a magistrate's court is always limited to a particular territorial limit to which the court is assigned, and where there is no such assignment, the limit is co-extensive with the territorial limit of the respective High Court - see section 76(2) of the Subordinate Courts Act and section 9 of the CPC Under no circumstances could the Magistrate's Court, Klang, and for that matter any other magistrate's court in this country take cognizance of an offence committed beyond its respective territorial limit. (see *Nai Prasit*'s case (*supra*)). Thus, even if an offence is committed in Malaysia, not every Magistrate's Court will have the jurisdiction to try it. Only a particular magistrate's court will have it. It must be the court which has the jurisdiction over the area in which the offence is committed. Now,

A assuming that a bigamy committed outside Malaysia is an offence punishable under the PC, in the absence of any statutory provision conferring jurisdiction on the court of the area where the offender is found, no Magistrate Court can have jurisdiction to try or to inquire into the offence. There has to be a statutory provision to fix the venue of the trial and thus give jurisdiction to the court where the trial is to be held.

B

[23] Sebaliknya Peguam Kanan Persekutuan (PKP) yang terpelajar yang mewakili semua responden telah menghujahkan kuasa reman ada diperuntukkan di bawah s. 117(1) dan (2) KPJ sebagaimana berikut:

(1) Whenever any person is arrested and detained in custody and it
C appears that the investigation cannot be completed within the period of twenty-four hours fixed by section 28 and there are grounds for believing that the accusation or information is well founded the police officer making the investigation shall immediately transmit to a Magistrate a copy of the entries in the diary hereinafter prescribed relating to the case and shall at the same time produce the accused
D before the Magistrate.

(2) The Magistrate before whom an accused person is produced under this section may, whether he has or has no jurisdiction to try the case, authorise the detention of the accused in such custody as follows:

E **[24]** PKP yang terpelajar menghujahkan berpandukan peruntukan s. 117 KPJ, perintah reman boleh dikeluarkan oleh mana-mana Majistret tanpa mengira had bidang kuasa tempatan sebagaimana yang cuba dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar. Selanjutnya PKP yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 4 Akta itu merupakan peruntukan khusus yang
F terpakai apabila Majistret menimbangkan permohonan reman melibatkan pemohon. Beliau menegaskan dalam keadaan begini, doktrin *generalia specialibus non derogant* terpakai.

[25] PKP yang terpelajar menghujahkan s. 4 Akta itu memberi kuasa kepada Majistret untuk mengeluarkan perintah reman dan ianya tidak
G melibatkan bidang kuasa jenayah sebagaimana yang cuba ditonjolkan oleh peguam pemohon yang terpelajar dalam hujahannya.

[26] PKP yang terpelajar telah membawa perhatian mahkamah ini kepada kes *Ang Gin Lee v. PP* [1991] 2 CLJ 857; [1991] 1 CLJ (Rep) 13 yang melibatkan perintah Majistret di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan
H Pemulihan) 1983 (Akta 1983). Persoalan yang perlu dirungkai di hadapan Mahkamah Agung ialah sama ada perintah Majistret di bawah Akta itu termasuk dalam bidang kuasa jenayah bagi maksud rayuan di bawah s. 307 KPJ yang membolehkan dirayu. Mahkamah Agung menoktahkan perintah Majistret di bawah Akta 1983 bukannya 'criminal case or matter' bagi
I maksud peruntukan s. 307 KPJ.

[27] Pada akhirnya, PKP yang terpelajar menghujahkan permohonan reman di bawah s. 4 Akta itu tidak melibatkan pertuduhan kesalahan jenayah dan ianya tidak berakhir dengan apa-apa sabitan. Permohonan reman ini tidak melibatkan bidang kuasa jenayah sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

Pendapat Mahkamah Ini

[28] Mahkamah ini telah menghalusi secara mendalam penghujahan peguam pemohon yang terpelajar dan PKP yang terpelajar berkaitan isu (a) ini. Bagi memudahkan memahami isu yang diperdebatkan oleh pihak-pihak eloklah diperturunkan peruntukan yang berkaitan reman iaitu s. 4(1)(a), dan 4(2)(a) Akta itu sebagaimana berikut:

> (1) Whenever any person is taken before a Magistrate under subsection 3(2) the Magistrate shall-
>
> (a) on production of a statement in writing signed by a police officer not below the rank of Inspector stating that there are grounds for believing that the name of that person should be entered on the Register, remand the person in police custody for a period of twenty-one days; or
>
> (b) if no such statement is produced, and there are no other grounds on which the person is lawfully detained, direct his release.
>
> (2) Any person remanded under paragraph (1)(a) shall, unless sooner released, on or before the expiry of the period for which he is remanded be taken before a Magistrate, who shall-
>
> (a) on production of-
>
> (i) a statement in writing signed by the Public Prosecutor or a Deputy Public Prosecutor stating that in his opinion sufficient evidence exists to justify the holding of an inquiry under section 9; and
>
> (ii) a statement in writing signed by a police officer not below the rank of Assistant Superintendent stating that it is intended to hold an inquiry into the case of that person under section 9,
>
> order the person to be remanded in custody for a period of thirty-eight days; or …

[29] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu terdapat peruntukan khusus berkaitan reman melibatkan Akta itu iaitu s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta itu. Mahkamah ini sependapat dengan pendirian PKP yang terpelajar iaitu peruntukan s. 117 KPJ yang dirujuk oleh peguam pemohon yang terpelajar ianya peruntukan yang am dan ianya tidak terpakai memandangkan telah ada peruntukan yang khusus. Mahkamah ini bersetuju dalam keadaan sebegini doktrin *generalia specialibus non derogant* terpakai.

A Mahkamah ini merujuk undang-undang bertulis yang lainnya di mana memperuntukkan kuasa reman secara khusus. Sekadar mengambil beberapa contoh, s. 12 Akta Penculik 1961 di mana permohonan reman dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya di hadapan Majistret. Begitu juga peruntukan khusus berkaitan kuasa menahan diperuntukkan di bawah s. 116C Akta Kastam
B 1967.

[30] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s. 76(2) AMR ianya menyentuh bidang kuasa Mahkamah Majistret dalam konteks kes jenayah. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, pemohon bukannya menghadapi pertuduhan
C kesalahan jenayah yang berakhir dengan sabitan dan hukuman. Sebaliknya pemohon di bawah Akta itu telah pun diperintahkan dengan suatu perintah itu di bawah Akta itu yang kini menjadi hal perkara yang dicabar oleh pemohon.

[31] Mahkamah ini juga berpendapat peruntukan s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta itu merujuk perkataan 'Magistrate' dan bukannnya 'Magistrate's
D Court'. Mahkamah ini bersetuju dengan PKP yang terpelajar Tuan Saifulakmal bin Said, Majistret, Mahkamah Majistret Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan reman di bawah peruntukan s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta itu dan ianya tidak tertakluk kepada peruntukan s. 76(2) AMR yang menetapkan 'bidang kuasa tempatan' sebagaimana yang
E dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

[32] Mahkamah ini berpendapat sekiranya peruntukan s. 117 KPJ terpakai (walaupun mahkamah ini berpendapat sebaliknya), ianya perlu dibaca bersama s. 28 KPJ yang dipinda melalui Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 2006 (Akta A 1274). Peruntukan s. 28 KPJ sebelum dipinda
F berbunyi seperti berikut:

> (1) A police officer making an arrest without a warrant shall without unnecessary delay and subject to the provisions herein as to bail or previous release take or send the person arrested before a Magistrate's Court.
>
G
>
> (2) No police officer shall detain in custody a person arrested without a warrant for a longer period than under all the circumstances of the case is reasonable.
>
> (3) Such period shall not in the absence or after the expiry of a special order of a Magistrate under section 117 exceed twenty-four hours
H exclusive of the time necessary for the journey from the place of arrest to the Magistrate's Court.

[33] Sebaliknya, peruntukan ss. 28(1) dan (3) KPJ telah dipinda dengan memotong perkataan 'Magistrate's Court' kepada 'Magistrate'. Mahkamah ini berpendapat Parlimen telah meminda peruntukan s. 28(1) dan (3) KPJ
I bagi membolehkan orang yang ditangkap dibawa ke hadapan mana-mana Majistret dan bukannya terhad kepada Mahkamah Majistret. Permohonan

reman juga boleh dipohon di hadapan mana-mana Majistret dan ianya tidak tertakluk kepada peruntukan s. 76(2) AMR yang menetapkan bidang kuasa tempatan Mahkamah Majistret bagi kes jenayah.

[34] Mahkamah ini berpendapat Parlimen secara bijaknya telah menggubal peruntukan s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta itu dengan memperuntukkan permohonan reman bagi maksud Akta itu di hadapan 'Magistrate' dan bukannya 'Magistrate's Court'. Sehubungan itu, permohonan reman atas pemohon bagi maksud Akta itu ianya tidak bercanggah sama sekali dengan peruntukan Akta itu. Mahkamah ini dengan hormatnya tidak bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar yang menyatakan permohonan reman oleh Majistret, Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur bercanggah dengan peruntukan s. 76(2) AMR.

[35] Mahkamah ini berpendapat kes *Rajappan* (*supra*) ianya menyentuh frasa bidang kuasa tempatan dalam konteks Mahkamah Majistret di mana melibatkan kesalahan jenayah yang berlaku di luar bidang kuasa tempatan Mahkamah Majistret, Klang. Sebaliknya dalam kes pemohon sekarang ianya tidak melibatkan apa-apa pertuduhan jenayah dan ianya tidak melibatkan frasa bidang kuasa tempatan sebagaimana yang cuba dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar. Mahkamah ini berpendapat peruntukan s. 4(1)(a) dan s. 4(2)(a) Akta itu secara jelasnya tanpa apa-apa keraguan memberi kuasa kepada Majistret itu mengeluarkan perintah reman terhadap pemohon.

[36] Mahkamah ini berpendapat kes *Ang Gin Lee* (*supra*) ianya melibatkan tafsiran 'criminal case or matter' bagi maksud peruntukan s. 307 KPJ. Mahkamah Agung telah memutuskan perintah di bawah Akta 1983 tidak termasuk dalam frasa 'criminal case or matter' bagi maksud peruntukan s. 307 KPJ dan ianya tidak boleh dirayu.

[37] Mahkamah ini mengambil pendekatan yang paling ekstrim iaitu sekalipun perintah reman terhadap pemohon tidak sah sebagaimana yang ditegaskan oleh peguam pemohon yang terpelajar, (walaupun mahkamah ini berpendapat sebaliknya) ianya tidak menjejaskan keesahan perintah yang dikeluarkan kemudiannya. Mahkamah ini dalam menggarap isu ini mendapat suluhan cahaya yang terang dalam kes *Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 4 CLJ 613 yang menyatakan:

> The precondition to the exercise of jurisdiction under s. 6(1) is, *inter alia*, only a consideration of the report of investigation. There is no stipulation in s. 6(1) that it must be the result of a valid detention. The preparation of the report is governed by s. 4 pursuant to which any person may be examined and it is not confined to an examination of only the detained person. The report of investigation therefore has no direct link with the detention; the only one being that it may contain a statement from the detained person. It can still be considered by the Minister even if it contains a statement from a person whose detention under s. 3(1) is irregular. This is because just as in the case of the use of illegally obtained

A evidence in a court of law the Minister may also use such evidence subject to the weight to be attached to it. In this regard reference may be made to Field's Law of Evidence, 12th edn, vol 1 where it says, on the authority of *Balwant Singh v. RD Shah Director of Inspection Income Tax AIR* [1969] Delhi 91, at p 429:

B > It is true that in appropriate cases the court may order restoration of the property illegally seized but so far as the use of information gathered as a result of such seizure is concerned, the court, or the appropriate authority, has in any case, acting within the law, the power to call for such information and property and use the same in evidence. The information gathered, therefore, can otherwise be
C > reached by the courts or other concerned authorities. The records and information gathered as a result of illegal search and seizure can be used subject to the value to be attached to it or its admissibility in accordance with the law relating to evidence. (emphasis added)

D It must be observed that in view of the subjective nature of the exercise of discretion by the Minister in ordering detention as enunciated in *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1969] 1 LNS 65; [1969] 2 MLJ 139 the court is not to concern itself with the vagueness, sufficiency or relevancy of the grounds of detention. Thus even if the report of investigation was prepared as the result of an illegal arrest the
E weight to be attached to it is a matter exclusively within the purview of the Minister. The court will not be concerned with the use of the report of investigation by the Minister. The consideration of a statement made by an illegally detained person cannot therefore be prohibited. **The result is that the legality of the detention of a person under s. 3(2) is not a condition precedent to the making of a detention order against him under**
F **s. 6(1).**

(penekanan kepada perkataan-perkataan yang ditimbulkan)

Mahkamah ini dengan hormatnya tidak bersetuju dengan penghujahan peguam pemohon yang terpelajar dalam isu (a) ini.

G **Bagi Isu (b)**

[38] Peguam pemohon yang terpelajar telah menghujahkan responden-responden telah gagal mematuhi peruntukan s. 6 Akta itu yang memperuntukkan sebagaimana berikut:

H > Tiap-tiap orang yang direman dalam jagaan di bawah Seksyen 4 hendaklah, jika tidak terlebih dahulu dilepaskan, dengan secepat mungkin dibawa di hadapan seorang Pegawai Siasatan.

[39] Seksyen 6 Akta itu menetapkan orang yang direman (pemohon) tidak boleh dilengah-lengahkan untuk dibawa di hadapan pegawai siasatan.
I Pemohon telah direman selama 21 hari mulai 9 April 2014 dan kemudiannya disambung reman selama 38 hari mulai 29 April 2014. Mengikut perenggan 6, afidavit jawapan Intan Noorashikin bt Nasarudin ("Intan")

bertarikh 12 Disember 2014 yang mengaku sebagai pegawai siasatan kes ini menyatakan pemohon hanya dibawa di hadapannya pada 7 Mei 2014 iaitu 28 hari selepas pemohon direman pada 9 April 2014. Sukri dalam afidavit jawapan bertarikh 2 Disember 2014 telah memberi alasan kelewatan kerana perlu soal siasat dan merakam percakapan pemohon dan saksi-saksi untuk menyediakan pernyataan tersebut, mengambil gambar dan cap jari pemohon. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan tugas siasatan dan merakam percakapan pemohon dan saksi-saksi merupakan tugas pegawai siasatan dan bukannya tugas Sukri yang merupakan seorang pegawai polis. Mengikut perenggan 5, afidavit balasan Sukri bertarikh 26 Januari 2015, pernyataan tersebut telah disediakan pada 2 April 2014 iaitu sebelum pemohon ditangkap. Tugas sebenar Sukri ialah untuk mengambil gambar dan cap jari pemohon yang tidak mungkin mengambil masa sehingga 28 hari.

[40] Selanjutnya dihujahkan peruntukan s. 6 Akta itu ianya mandatori agar pemohon dibawa di hadapan seorang pegawai siasatan secepat mungkin. Pemohon tidak dibawa di hadapan pegawai siasatan secepat mungkin dan dengan ini telah melanggar prosedur yang ditetapkan di bawah s. 6 Akta itu.

[41] Peguam pemohon yang terpelajar telah merujuk konsep secepat mungkin yang diterangkan dalam kes Mahkamah Agung (ketika itu) *Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Liau Nyun Fui* [1991] 1 CLJ 458; [1991] 1 CLJ (Rep) 458; [1991] 1 MLJ 350 di ms. 463 (CLJ); ms. 353 (MLJ) yang menyatakan sebagaimana berikut:

> Turning to the present case, it seems clear that a time frame is not prescribed under s. 2(ii) of the Enactment and the timbalan menteri cannot therefore be said to be imposed with an obligation to make a restriction order within a specified time. The word 'thereafter' used in sub-s. (ii) of the Enactment clearly connotes that the timbalan menteri may make a restriction order 'thereafter', that is, some time after making the order of arrest and detention, after such further enquiry he may deem necessary.
>
> Two distinct situations would therefore arise where a restriction order is issued and that is: (1) after a further enquiry (if further enquiry is deemed necessary); and (2) after no further enquiry is deemed necessary.
>
> In the light of the judgment in *Phua Hing Lai*'s case [1990] 1 MLJ 173 the position in law seems to be that when no time frame is prescribed then anything that shall be done under s. 2(ii) shall be done with all convenient speed. Accordingly in respect of situation (1), the further enquiry and the issue of the restriction order shall be effected with all convenient speed. What constitutes convenient speed would depend on the circumstances of each case. And in respect of situation (2), where the timbalan menteri does not deem it necessary for any further enquiry he ought to proceed thereafter, that is, after the detention, to make the restriction order with all convenient speed.

A The correct test to be applied therefore is not on the basis of unreasonable delay but convenient speed. The learned judicial commissioner determined the question before him on the basis of unreasonable delay. This was not a proper approach. The question that was before him was whether the timbalan menteri in the particular circumstances of that case had acted with all convenient speed in making the restriction order. Strictly it was for the respondent to show that the timbalan menteri had not so acted and not for the timbalan menteri to provide an explanation acceptable to the court. Notwithstanding that the learned judicial commissioner had erred in his approach in determining the question before him, we are unable to say that in the particular circumstances of this case the learned judicial commissioner had arrived at a wrong decision in particular having regard to the affidavit evidence before the court.

[42] PKP yang terpelajar menegaskan peguam pemohon yang terpelajar tersalah arah di dalam menghujahkan tugas siasatan di bawah bidang kuasa Puan Intan Noorashikin yang merupakan pegawai inkuiri dan bukannya Mohamad Sukri bin Ishak dan oleh itu, penjelasan yang diberikan oleh Inspektor tersebut tidak boleh diterima. PKP yang terpelajar selanjutnya menghujahkan tugas pegawai inkuiri adalah berlainan dengan siasatan oleh seorang pegawai penyiasat polis. Tugas pegawai inkuri telah dinyatakan dengan jelas di bawah s. 9(3) Akta itu seperti berikut:

(3) An Inquiry Officer may, for the purpose of any inquiry under this Act-

(a) procure and receive all such evidence, in any form and whether the same be admissible or not under any written law for the time being in force relating to evidence or criminal procedure, which he may think necessary or desirable;

(b) summon and examine witnesses on oath or affirmation, and may for those purposes, administer any oath or affirmation;

(c) require the production of any document or other thing in his opinion relevant to the inquiry;

(d) if he considers it necessary in the public interest or to protect a witness, or his family or associates, receive evidence in the absence of the person who is the subject of the inquiry:

Provided that where any such evidence is received the Inquiry Officer shall communicate to the person the substance of the evidence, so far as he may consider it compatible with the public interest or the need to protect a witness, or his family or associates so to do, and shall in every such case include in any report made under subsection 10(2) a statement of the circumstances in which the evidence was received;

(e) give any direction as may be necessary

[43] Tugas pegawai inkuiri hanya akan boleh bermula apabila seseorang subjek tersebut ditahan lanjut selama 38 hari selepas perintah reman kali kedua di bawah s. 4(2)(a) dikeluarkan. Inkuiri yang dijalankan bagi menentukan sama ada terdapat keterangan yang munasabah bahawa mana-mana subjek merupakan anggota ke atas mana-mana kategori yang berdaftar. Inkuiri tersebut akan dijalankan ke atas siasatan yang telah dijalankan oleh pihak polis.

[44] PKP yang terpelajar menghujahkan tiada kelengahan yang berlaku sebaliknya pihak polis telah menjalankan siasatan dengan kesegeraan yang munasabah. Ini dapat dibuktikan melalui afidavit yang diikrarkan oleh Inspektor Mohamad Sukri bin Ishak yang telah memberikan penjelasan di perenggan 13 afidavitnya, di mana beliau telah menyatakan tindakan-tindakan yang perlu diambil.

[45] PKP yang terpelajar menghujahkan peguam pemohon yang terpelajar telah mengguna pakai kes *TMDN v. Liau Nyun Fui* apa yang dimaksudkan sebagai 'as soon as possible'. PKP yang terpelajar berhujah kes yang dirujuk tersebut hendaklah dibezakan dengan kes di hadapan mahkamah ini. Kes yang dirujuk di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 (AKK) di mana kuasa tersebut diberikan kepada YB Menteri dan tiada had masa yang ditetapkan. Oleh itu, apabila peruntukan perundangan mengatakan 'thereafter', maka ia hendaklah dijalankan secara 'convenient speed'. Sebaliknya dalam Akta itu, inkuiri oleh pegawai inkuiri hendaklah dijalankan selepas reman kedua di bawah s. 4(2) Akta itu dikeluarkan di mana subjek tersebut boleh ditahan selama tempoh tidak melebihi 38 hari. Mengambil kira bahawa laporan serta dapatan pegawai inkuiri perlu diserahkan kepada suatu Lembaga Pencegahan Jenayah untuk diperakukan, yang juga perlu dijalankan di dalam tempoh tersebut, maka ujian yang digunakan di dalam kes tersebut tidak relevan untuk diguna pakai bagi kes ini kerana pegawai inkuiri, tidak seperti YB Menteri di dalam AKK yang mempunyai had masa yang perlu diikuti.

[46] Tambahan pula, di dalam Akta itu, secara khususnya di bawah s. 9, dengan jelas memperuntukkan tugas-tugas yang perlu dijalankan oleh seorang pegawai inkuiri. Ia berlainan dengan AKK yang tidak menyatakan secara khusus perkara yang perlu diambil kira oleh YB Menteri. Oleh itu, walaupun tanpa penjelasan oleh pegawai inkuiri, mahkamah boleh mengambil notis kehakiman bahawa tempoh yang diambil oleh pegawai inkuiri di dalam membuat dapatan serta laporan telah bertindak secara 'convenient speed'. Keterangan pegawai penyiasat polis iaitu Inspektor Mohamad Sukri membuktikan tahap tugas serta perkara-perkara yang perlu diteliti oleh seseorang pegawai inkuiri.

Pendapat Mahkamah Ini

[47] Peguam pemohon yang terpelajar telah menghujahkan responden-responden telah gagal mematuhi peruntukan s. 6 Akta itu yang memerlukan pemohon dibawa ke hadapan pegawai siasatan "… dengan secepat mungkin …". Pemohon hanya dibawa kehadapan dalam tempoh 28 hari dan ianya bercanggah dengan s. 6 Akta itu.

[48] Mahkamah ini berpendapat Akta itu tidak memberikan apa-apa takrifan frasa "… dengan secepat mungkin .." bagi maksud s. 6 Akta itu. Mahkamah ini ingin meminjam pandangan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Pemungut Hasil Tanah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang v. Ong Gaik Kee* [1983] 1 LNS 14; [1983] 2 MLJ 35 dalam menggarap perkataan 'convenient speed' dalam konteks Akta Pengambilan Tanah 1960. Mahkamah ini ingin berkongsi pandangan dengan Mahkamah Persekutuan dalam penghakimannya menukilkan sebagaimana berikut:

> What then is the "convenient speed"? In our view it must be "as soon as possible" or "within a reasonable time", and not "as late as possible". Obviously what amounts to "convenient speed" must vary from case to case and in our judgment seven years delay is certainly not a "convenient speed" as it is so far outside the normal period of time that no reasonable authority could ever regard it as reasonable.

[49] Mahkamah ini sependapat dengan PKP yang terpelajar iaitu pegawai inkuiri menjalankan tugas-tugasnya selepas reman kedua dikeluarkan iaitu di bawah s. 4(2)(a) Akta itu. Mahkamah ini bersetuju dengan PKP yang terpelajar iaitu mahkamah ini boleh mengambil notis kehakiman tempoh yang diambil oleh pegawai inkuiri di dalam membuat dapatan serta laporan ianya telah dilakukan secara 'convenient speed' dan ianya mematuhi kehendak s. 6 Akta itu.

[50] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu kes *Liau Nyun Fui* (*supra*) ianya melibatkan peruntukan undang-undang yang berbeza iaitu AKK. Dalam AKK tiada had masa ditetapkan untuk YB Menteri bertindak dan ianya berbeza dengan kes pemohon di hadapan mahkamah sekarang. Mahkamah ini bersetuju afidavit yang diikrarkan oleh Inspektor Mohamad Sukri bin Ishak khususnya di perenggan 13, beliau telah memperincikan tindakan-tindakan yang perlu diambil. Mahkamah ini berpendapat tiada sebarang kelengahan atau kelewatan yang melampau sehingga memprejudiskan pemohon.

[51] Mahkamah ini berpendapat penghujahan peguam pemohon yang terpelajar dalam isu (b) ini tidak dapat dipertahankan dan gugur dengan sendirinya.

Bagi Isu (c) Dan (d)

[52] Peguam pemohon yang terpelajar telah menghujahkan responden-responden gagal membuktikan Intan Noorashikin bte Nasarudin (Intan) sebagai pegawai siasatan bagi maksud s. 8 Akta itu. Responden-responden gagal mengemukakan bukti YB Menteri telah melantik Intan sebagai pegawai siasatan. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan, peruntukan s. 8 Akta itu yang menyatakan seperti berikut:

> Menteri boleh secara bertulis dan ditandatanganinya melantik mana-mana orang melalui nama atau jawatan, dan sama ada am atau bagi mana-mana hal tertentu, untuk menjadi seorang Pegawai Siasatan bagi maksud Akta ini: dengan syarat bahawa tiada seorang pun pegawai polis boleh dilantik untuk menjadi seorang Pegawai Siasatan.

[53] Peguam pemohon yang terpelajar merujuk kes *Murally Krishnan v. The Deputy Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors* [2012] 1 LNS 112; [2012] MLJU 163 sebagai nas sandaran bagi menyokong penegasannya keperluan mengemukakan bukti pelantikan bagi mematuhi dengan ketatnya keperluan undang-undang:

> He also did not exhibit a copy of his instrument of delegation by the Minister in his favour in order to enable the respondents to discharge their responsibility of proving that the detention of the applicant was lawful and was done in strict compliance with the relevant provision of the law.

[54] Peguam pemohon yang terpelajar turut menarik perhatian mahkamah ini kepada afidavit Saidah binti Mohamed Halil di perenggan 2 dan 4 afidavit balasannya bertarikh 27 Januari 2015 telah mengaku sebagai pegawai siasatan yang terlibat dalam kes ini.

[55] Sukri dalam afidavit jawapan bertarikh 2 Disember 2014 di perenggan 4 mengesahkan ia merupakan pegawai penyiasat yang bertanggungjawab antara lainnya untuk menjalankan siasatan terhadap pemohon dengan mengumpulkan dan meneliti segala keterangan-keterangan saksi. Di perenggan 13, ia telah juga mengesahkan antara lainnya bahawa ia telah mengambil tindakan menyoal siasat dan merakam percakapan pemohon dan saksi-saksi. Di perenggan 11 afidavit balasan bertarikh 26 Januari 2015, Sukri telah juga mengesahkan ia merupakan pegawai polis yang mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan siasatan terhadap pemohon.

[56] Mengikut s. 4(2)(a) Akta itu tahanan reman yang dibuat bagi tujuan siasatan di bawah s. 9 Akta itu. Segala keterangan yang diambil dari saksi-saksi di bawah peruntukan s. 9(3)(a)(b) Akta itu. Pemohon di bawah peruntukan s. 9(5) Akta itu merupakan kuasa yang diberikan hanya kepada pegawai siasatan yang ditafsirkan di bawah s. 2(1) dan s. 8 Akta itu. Dalam kes ini, tidak ada apa-apa bukti dalam perenggan 6 dan 7 afidavit jawapan Intan bertarikh 12 Disember 2014 yang menunjukkan keterangan pemohon telah diambil dan direkodkan olehnya sebagaimana yang dikehendaki di

bawah s. 9(5) Akta itu. Tiada juga bukti keterangan saksi-saksi lain telah diambil dan direkodkannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah s. 9(3)(a)(b) Akta itu walaupun Sukri dalam afidavit jawapannya bertarikh 2 Disember 2014 di perenggan 13 telah mengesahkan terdapatnya saksi-saksi.

[57] Kepentingan bagi memastikan keterangan pemohon dan saksi-saksi telah diambil sendiri oleh pegawai siasatan telah diterangkan dalam kes *Murally Krishnan v. The Deputy Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors* [2012] 1 LNS 112; [2012] MLJU 163 di mana rationya boleh diguna pakai dalam kes sekarang:

> The court noted that the applicant's statement and the witnesses' statements formed an essential part of the Investigating Officer's complete report of the investigation pertaining to the applicant under s. 3(3)(b) of the Act which must be submitted to the Deputy Minister for his consideration before the Deputy Minister makes the detention order. The court noted that it was also required under s. 4(1) of the Act in order to satisfy the Deputy Minister that the detention order ought to be made. It follows that the recording of the applicant's statement and the witnesses' statements by the Investigating Officer was a pre-condition to the making of the detention order by the Deputy Minister in the instant case.
>
> The rationale behind the intention of the legislature to restrict the recording of the statement of the applicant to the Investigating Officer must be because, as stated earlier, the Act provides for preventive detention where the *detenu* is detained without being successfully charged and tried in a court of law. Apart from that consideration, the court also took into account s. 11C of the Act which expressly provides that the courts cannot review the subjective satisfaction of the Minister or Deputy Minister once the Minister or Deputy Minister has made up his mind to make the detention order and the extended detention order (see *L Rajanderan R Letchumanan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 7 CLJ 653 and *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors*, *supra*).
>
> Without a trial the *detenu* clearly has no opportunity to cross-examine the witnesses who have given evidence against him to show that they may have lied when giving their statements to the Investigating Officer. Therefore, it is extremely essential that the police officer who records his statement is the Investigating Officer himself as it is his report and the statement of the applicant and other persons acquainted with the facts and circumstances of the case that the Minister relies on in order to satisfy himself that it is necessary to make a detention order to detain the *detenu* under the Act.

[58] Peguam pemohon yang terpelajar selanjutnya merujuk perenggan 5 afidavit jawapan Intan bertarikh 12 Disember 2014. Intan hanya bergantung kepada fail kes pemohon yang diserahkan oleh Sukri yang sebenarnya menyoal siasat dan merakam percakapan pemohon dan saksi-saksi.

[59] Perbuatan Sukri yang merupakan seorang pegawai polis menyiasat dan merakam percakapan pemohon dan saksi-saksi yang sepatutnya dilakukan dan dalam bidang kuasa pegawai siasatan adalah bertentangan dengan prosedur yang ditetapkan di bawah s. 8 dan s. 9 Akta itu.

[60] Peguam pemohon yang terpelajar telah menarik perhatian mahkamah ini kepada peruntukan s. 9(5) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> Orang yang menjadi subjek siasatan itu dan seorang saksi di suatu siasatan hendaklah tidak boleh diwakili oleh seorang peguambela dan peguamcara di siasatan itu kecuali apabila keterangannya sendiri diambil dan direkodkan oleh Pegawai Siasatan.

[61] Peguam pemohon yang terpelajar menegaskan orang yang menjadi subjek siasatan hendaklah diwakili peguambelanya semasa keterangannya diambil dan direkodkan oleh pegawai siasatan. Berdasarkan perenggan 6 dan 7 afidavit jawapan Intan bertarikh 12 Disember 2014, jelas tiada peguambela pemohon hadir semasa keterangannya dikatakan diambil dan direkodkan oleh pegawai siasatan. Mengikut perenggan 4, afidavit balasan Intan bertarikh 27 Januari 2015, pemohon tidak pernah memohon untuk diwakili peguambela semasa sesi inkuiri dijalankan. Selanjutnya dihujahkan kehadiran peguambela pemohon semasa keterangannya diambil dan direkodkan oleh pegawai siasatan ianya mandatori berdasarkan peruntukan di bawah s. 9(5) Akta itu. Pegawai siasatan gagal memperjelaskan hak pemohon untuk diwakili seorang peguambela.

[62] Peguam pemohon yang terpelajar telah menarik perhatian mahkamah ini kepada kes *Zulkri Yakub v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2012] 1 LNS 925; [2014] 7 MLJ 91 secara *ratio* yang boleh diguna pakai dalam kes pemohon sekarang:

> A board hearing held without the applicant's counsel and at a time which was different from that stated in the Borang II would clearly be in breach of r. 5.

[63] Hak pemohon untuk diwakili peguam telah ditekankan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Parasuraman Velu v. Ketua Polis Negara, Malaysia & Ors* [2006] 1 LNS 248; [2006] 5 MLJ 764 (Tab H):

> Perenggan 2:
>
> The first non-compliance is that there was no evidence whatsoever from the respondents in any of their affidavits to show that Form II (Notice of hearing of representation) was indeed served on the applicant and if so by whom and or whether it was **explained and translated** to the applicant in the language that he understood … This gives rise to a doubt whether Form II was ever served on the applicant and whether he knew of the contents of the said Form including the part that indicated that he did not intended to be represented by counsel. (emphasis added).

Perenggan 3:

> The second procedural non-compliance is that the applicant was not given the right to be represented by a counsel as guaranteed under art 151 of the Federal Constitution and rr. 3 and 5 of the Rules … The right given to a detainee to be represented by a legal counsel is a **real and substantive right guaranteed** under the Constitution, Ordinance and the Rules made under the Ordinance and must be strictly adhered to. (emphasis added).

[64] Mahkamah Persekutuan dalam kes *SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705; [2010] 1 MLJ 149 telah menjelaskan tanggungjawab pihak yang menahan iaitu responden-responden:

Perenggan 6:

> It is for the respondents to prove that the constitutional and statutory safeguards embodied in art. 151 and s. 6(1) were strictly complied with. The liberty of an individual should not be infringed upon even to the slightest extent without proof that the impugned infringement is in accordance with the Constitution and statute.

[65] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan sekiranya benar pegawai siasatan telah mengambil dan merekodkan keterangan pemohon sekali pun, tetapi dinafikan pemohon, ia telah dilakukan tanpa kehadiran peguambela pemohon dan dengan ini telah melanggar prosedur yang ditetapkan di bawah s. 9(5) Akta itu.

[66] Sebaliknya PKP yang terpelajar menarik perhatian mahkamah kepada peruntukan di bawah s. 114 ilustrasi (e) Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang memperuntukkan seperti berikut:

Section 114. Court may presume existence of certain fact.

> The court may presume the existence of any fact which it thinks likely to have happened, regard being had to the common course of natural events, human conduct, and public and private business, in their relation to the facts of the particular case.

ILLUSTRATIONS

The court may presume-

(a) …;

(b) …;

(c) …;

(d) …;

(e) that judicial and official acts have been regularly performed;

[67] PKP yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 114 ilustrasi (e) Akta 56, jelas mahkamah boleh menganggap kewujudan apa-apa fakta yang difikirkannya mungkin telah berlaku, setelah mengambil perhatian akan perjalanan biasa, kejadian semula jadi, kelakuan manusia, dan urusan awam dan persendirian, dalam hubungannya dengan fakta kes yang tertentu itu. Dalam hal ini, anggapan tersebut adalah termasuk anggapan seperti di bawah ilustrasi (e) iaitu bahawa tindakan kehakiman dan tindakan rasmi telah dilaksanakan mengikut aturan.

[68] Responden merujuk kepada keterangan Intan, di dalam afidavit beliau yang menyatakan "pada masa yang material saya adalah pegawai inkuiri di Kementerian Dalam Negeri yang dilantik di bawah s. 8 Akta Pencegahan Jenayah 1959 …" PKP yang terpelajar menghujahkan ianya memadai bagi mahkamah ini menganggap bahawa tindakan rasmi telah dilaksanakan mengikut aturan oleh YB Menteri yang melantik Intan. Intan telah melaksanakan tugas rasminya selaras dengan pelantikan tersebut yang dibuat di bawah s. 8 Akta itu.

[69] PKP yang terpelajar bersandarkan kes *Su Yu Min v. Ketua Polis Negeri & Ors* [2005] 3 CLJ 875, mahkamah memutuskan seperti berikut:

> Although the applicant alleged that he was not fully informed of the conditions of restricted residence when Forms C and E were read to him in prison by Deputy Supt of Prisons Mohd Andri bin Mohd Ridzwan, the court had no reason to disbelieve Mohd. Andri, who was merely performing an official duty in which he had no personal interest. The applicant however was trying to secure his release from restricted residence and was not averse at putting a slant on things to suit his case.

[70] Responden menegaskan bahawa tiada keperluan undang-undang untuk Intan menunjukkan rekod keterangan pemohon dan saksi-saksi telah diambil oleh beliau. Dalam hal ini, Intan telah menjalankan tugasnya sebagaimana diperuntukkan undang-undang terutamanya di bawah ss. 9(3) dan 9(5) Akta itu yang menjadi isu di pihak pemohon. PKP yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 9(3) dan s. 9(5) langsung tidak memperuntukkan keperluan Intan menunjukkan keterangan pemohon dan saksi yang telah diambil/direkodkannya dalam afidavit mahupun di mahkamah. Perenggan 6 afidavit jawapannya, jelas beliau telah menjalankan tugas rasminya menurut undang-undang dengan menjalankan inkuiri ke atas pemohon.

[71] PKP yang terpelajar telah merujuk kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* (*supra*) yang telah memutuskan:

> It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance

[72] Berdasarkan kepada keputusan kes di atas, pihak responden-responden menegaskan Intan telah menjalankan tugas rasminya dan tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam kes pemohon yang dibicarakan di hadapan mahkamah ini.

[73] PKP yang terpelajar berhujah bahawa pemohon gagal memahami peranan pegawai penyiasat polis dan pegawai siasatan yang dilantik di bawah s. 8 Akta itu. Pegawai inkuiri sama sekali berbeza dengan pegawai penyiasat polis. Kedua-duanya merupakan entiti/peranan yang berbeza.

[74] Di dalam kes ini, siasatan dan rakaman keterangan saksi dijalankan oleh pegawai penyiasat polis iaitu Inspektor Mohamad Sukri bin Ishak dan ianya adalah berbeza dengan siasatan yang dijalankan oleh pegawai inkuiri di bawah s. 9 Akta itu. Oleh itu, tiada isu bahawa Inspektor Polis Mohamad Sukri bin Ishak melaksanakan tugasan yang berada dalam bidang kuasa pegawai inkuiri.

[75] Di dalam isu ini, peguam pemohon telah merujuk kepada kes *Murally Krishnan* (*supra*) namun ditegaskan kes tersebut melibatkan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang mempunyai peruntukan khusus berkaitan prosedur siasatan oleh pegawai penyiasat polis di bawah s. 4 sedangkan ianya tidak dinyatakan di dalam Akta itu. Selain itu, keputusan kes tersebut telah diakaskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Saifuddin bin Hassan* Rayuan Jenayah No. 05-3-2012 di mana Mahkamah Persekutuan bersetuju dengan YA Hakim Mahkamah Tinggi iaitu rakaman percakapan saksi boleh dirakam oleh mana-mana anggota polis. PKP yang terpelajar mengakhiri hujahannya dengan menyatakan isu yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar tidak bermerit dan dengan itu wajar diketepikan.

Pendapat Mahkamah Ini

[76] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar iaitu tiada keperluan untuk mengemukakan bukti Intan telah dilantik oleh YB Menteri bagi maksud peruntukan s. 8 Akta itu. Mahkamah ini ingin merujuk afidavit sokongan pemohon (lampiran (25)) di perenggan 12 di mana secara terang-terangan mengakui Intan merupakan pegawai siasatan yang dilantik oleh YB Menteri bagi maksud peruntukan s. 8 Akta itu.

[77] Bagi kemudahan rujukan, mahkamah ini ingin memetik perenggan 12 afidavit berkenaan yang secara jelasnya mengakui fakta pelantikan ini:

> 12. Perenggan 12 Afidavit Jawapan diakui setakat Pegawai Inkuiri adalah Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin yang merupakan Pegawai Siasatan yang dilantik oleh Menteri Dalam Negeri di bawah Seksyen 8 APJ ….

[78] Peguam pemohon yang terpelajar cuba menonjolkan kecacatan prosedur yang dijalankan oleh pegawai siasatan yang kononnya bercanggah dengan peruntukan ss. 9(3) dan 9(5) Akta itu apabila Intan tidak

mengemukakan apakah keterangan atau rakaman saksi-saksi yang telah diambil selaku pegawai siasatan. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan Intan bergantung kepada siasatan yang dijalankan oleh Inspektor Mohamad Sukri bin Ishak.

[79] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar segala tindakan yang dilakukan oleh Intan dan Inspektor Mohamad Sukri bin Ishak ianya merupakan tugas-tugas rasmi. Mahkamah ini boleh mengandaikan segala tatacara telah dipatuhi. Mahkamah ini bergantung kepada anggapan di bawah s. 114(e) Akta Keterangan 1950.

[80] Peguam pemohon yang terpelajar juga cuba membangkitkan isu pemohon tidak diberikan hak untuk diwakili oleh seorang peguambela dan ianya merupakan ketidakpatuhan tatacara terhadap pemohon. PKP yang terpelajar telah mengemukakan Rang Undang-Undang Akta Pencegahan Jenayah 1959 di mana s. 9(5) telah dimasukkan dan perenggan 8 memperuntukkan huraian bagi peruntukan di bawah seksyen tersebut seperti berikut:

> … Subseksyen baru 9(5) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa orang yang menjadi subjek inkuiri dan saksi dalam inkuiri tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara kecuali apabila keterangannya sendiri diambil dan direkodkan oleh Pegawai Inkuiri ….

[81] Mahkamah ini bersetuju dengan PKP yang terpelajar berkaitan isu yang dibangkitkan oleh peguam pemohon yang terpelajar atas alasan pemohon tidak diberikan hak untuk diwakili oleh seorang peguambela. Mahkamah ini bersetuju niat Parlimen semasa menggubal peruntukan s. 9(5) Akta itu telah menetapkan:

> ... orang yang menjadi subjek inkuiri dan saksi dalam inkuiri tidak boleh diwakili oleh peguambela dan peguamcara …

[82] Mahkamah ini bersetuju penyata rasmi Parlimen boleh digunakan dalam memberikan tafsiran sesuatu statut atau untuk mengetahui niat Parlimen semasa menggubal sesuatu peruntukan Akta. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar apabila merujuk kes *Sivarasa Rasiah v. Badan Peguam Malaysia & Anor* [2010] 3 CLJ 507 (Tag 12) telah merujuk kepada kes *Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 4 CLJ 285 (Tag 13) sebelum memutuskan;

> A careful examination of the reasons behind the enactment as revealed in the speech of the Minister for Law and Attorney General as reported in Hansard when introducing s. 46A in Bill form to Parliament is to keep the Bar Council free from political influence. It is now settled that resort to Hansard may be legitimately had as a guide to interpreting an Act of Parliament. See, *Chor Phaik Har v. Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 4 CLJ 285. As earlier observed, it is in the public interest to have the governing body, namely, the Bar Council, free of any political influence. The section

A however does not prevent the appellant and those members of the Bar similarly circumstanced as him from attending and speaking at a general meeting of the Bar to put their views across for the purpose of influencing the Bar Council. It follows that the legislative measure under challenge is proportionate to the object it seeks to achieve. The result may have well been different if the section had prohibited the appellant and others in his
B position from practising law or from attending the general meetings of the Bar. Such a measure may well have been disproportionate and therefore arbitrary and unconstitutional. In short, s. 46A satisfies the threefold test laid down in Nyambirai and hence does not violate art. 8(1). It follows that it is a fair and just law within art. 5(1) and therefore does not offend that article as well. Put shortly, the appellant's right within the compass
C of the personal liberty clause was deprived in accordance with law.

Bagi Isu (e)

[83] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 10(2) Akta itu. Mahkamah ini telah
D dirujukkan peruntukan s. 10(2) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> Jika Pegawai Siasatan berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang yang menjadi hal-perkara siasatan ialah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan, dia hendaklah melaporkan alasan-alasan, bersama dengan dapatannya,
> E kepada Lembaga, dan hendaklah memajukan suatu salinan dapatannya kepada pegawai yang menjaga orang itu, yang hendaklah dengan serta-merta menyampaikan suatu salinan dapatan Pegawai Siasatan kepada orang itu.

[84] Peguam pemohon yang terpelajar menegaskan peruntukan s. 10(2)
F Akta itu menetapkan pegawai siasatan melaporkan alasan-alasan bersama dapatannya kepada Lembaga Pencegahan Jenayah ("Lembaga") dan orang yang menjadi hal-perkara siasatan hendaklah dengan serta-merta disampaikan suatu salinan dapatan pegawai siasatan.

[85] Inspektor Mohamad Sukri bin Ishak di dalam perenggan 12 afidavit
G balasan bertarikh 26 Januari 2015, telah memberi alasan kelewatan disebabkan ia tertakluk dengan tugas rasmi yang lain dan hanya menyerahkan salinan dapatan pegawai siasatan dalam tempoh kesegeraan yang praktik. Peruntukan s. 10(2) Akta itu telah menetapkan dapatan pegawai siasatan hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada pemohon dan bukannya
H dalam tempoh kesegeraan yang praktik. Selanjutnya dihujahkan perbuatan melengah-lengahkan penyerahan dapatan pegawai siasatan melanggar prosedur yang ditetapkan di bawah s. 10(2) Akta itu.

[86] Sebaliknya PKP yang terpelajar menghujahkan tiada pelanggaran di bawah s. 10(2) Akta itu kerana pegawai inkuiri telah menjalankan tugasnya
I sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen berkenaan. PKP yang terpelajar bergantung kepada perenggan 8 afidavit jawapan Intan yang menyatakan bahawa pada 14 Mei 2014, beliau telah mengemukakan laporan

lengkap secara bertulis kepada Lembaga Pencegahan Jenayah serta dapatan menurut s. 10(2) Akta itu. Intan juga menjelaskan beliau menyerahkan sesalinan dapatan tersebut kepada Inspektor Polis Mohamad Sukri bin Ishak (pegawai yang menjaga pemohon) untuk diserahkan kepada pemohon.

[87] Perakuan Intan menjelaskan tugas beliau telah dilaksanakan dengan sempurna menurut s. 10(2) Akta itu dan ianya disahkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah melalui afidavit jawapan Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid di perenggan 4. Selanjutnya, serahan dapatan kepada pegawai yang menjaga pemohon dan kepada pemohon disahkan dalam afidavit jawapan Inspektor Polis Mohamad Sukri bin Ishak di perenggan 15 menyatakan bahawa pada 16 Mei 2014 jam lebih kurang 1.15 tengah hari, salinan dapatan pegawai inkuiri diserahkan kepada pemohon. Salinan dapatan tersebut dilampirkan sebagai eksibit 'MSI6' dalam afidavit jawapan Inspektor Polis Mohamad Sukri bin Ishak.

[88] Sehubungan itu, berdasarkan kepada hujahan pihak responden-responden di atas, maka jelas tidak berlaku sebarang pelanggaran kepada s. 10(2) Akta itu, sebaliknya peruntukan undang-undang berkenaan telah dipatuhi dengan sempurna. PKP yang terpelajar merujuk peruntukan s. 21A Akta itu yang memperuntukkan;

> Nothing in this act or in any regulations made under this act shall require the Board, any member of the Board, any Inquiry Officer or any public servant to disclose facts or to produce documents which he consider -
>
> (a) To be against the public interest to disclose or produce; or
>
> (b) Would compromise the protection of a witness, or his family or associates.

[89] PKP yang terpelajar dalam usahanya yang terakhir bagi menyelamatkan bahteranya yang akan karam menyerahkan kepada mahkamah ini untuk memutuskan sama ada dapatan pegawai inkuiri akan terbatal hanya semata-mata pemohon tidak diserahkan dengan 'secepat mungkin'. Responden menegaskan bahawa dapatan tersebut tidak boleh jadi terbatal kerana proses sebelum seseorang itu boleh didaftarkan di bawah s. 12(1) Akta itu pengeluaran perintah pengawasan di bawah s. 15 Akta itu terletak hak ke atas Lembaga. Dihujahkan apabila Lembaga membuat keputusan, ia merupakan suatu kepuashatian subjektif Lembaga dan tidak tertakluk kepada semakan kehakiman oleh mahkamah di bawah s. 15A Akta itu.

Pendapat Mahkamah Ini

[90] Mahkamah ini berpendapat, responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 10(2) Akta itu apabila gagal menyerahkan salinan dapatan pegawai siasatan dengan serta-merta kepada pemohon. Mahkamah ini telah meneliti afidavit Inspektor Mohamad Sukri bin Ishak (lampiran (33)) di perenggan 12 menyatakan:

A

> 12. Merujuk kepada perenggan 15 (i) dan 21 Afidavit Balasan Ketiga dan perenggan 5 (iv) dan 5 (v) Afidavit Balasan Keempat, saya sesungguhnya menyatakan bahawa saya hanya dapat menyerahkan suatu salinan Dapatan Pegawai Inkuiri Di Bawah Seksyen 10 (2) Akta tersebut kepada pemohon pada 16.5.2014 walaupun saya juga tertakluk kepada tugas rasmi yang lain dan saya telah menyerahkan salinan dapatan dan Borang I tersebut kepada Pemohon dalam tempoh kesegeraan yang praktik.

B

[91] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar berlaku kelewatan dua hari untuk menyerahkan salinan dapatan pegawai inkuiri dan ianya bercanggah dengan peruntukan s. 10 (2) Akta itu yang menetapkan perlu diserahkan 'serta-merta' (forthwith). Memandangkan perkataan 'serta-merta' tidak ditakrifkan dalam Akta itu, mahkamah ini merujuk tafsiran yang diberikan oleh Cockburn CJ dalam kes *Queen v. The Justices of Berkshire* [1879] 4 QBD 469 yang menyatakan:

C

> ... The words forthwith and immediately have the same meaning. They are stronger than the expression within a reasonable time and imply prompt, vigorous action, without any delay …

D

[92] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar, kegagalan menyerahkan dapatan dengan serta merta ianya tidak menjejaskan keesahan perintah yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah. Mahkamah ini sedar terdapatnya peruntukan s. 15A Akta itu yang menghalang semakan kehakiman dilakukan oleh mahkamah ini. Walaupun begitu, pemohon mempertikaikan kegagalan responden-responden mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah s. 10(2) Akta itu dan ianya di luar jaringan s. 15A Akta itu.

E

F

[93] Mahkamah ini berpendapat Parlimen telah menetapkan di bawah s. 10(2) Akta itu serahan dapatan perlu diserahkan 'serta-merta' dan tempoh dua hari tidak termasuk dalam konteks 'serta-merta'. Mahkamah ini juga telah menimbangkan alasan yang diberikan oleh Inspektor Mohamad Sukri bin Ishak yang kononnya terikat dengan tugasan rasmi lainnya tidak boleh diterima.

G

[94] Mahkamah ini dalam menimbangkan permohonan seumpama ini hanya perlu melihat sama ada responden-responden gagal mematuhi sesuatu prosedur yang ditetapkan sebagaimana yang digariskan dalam kes *Re Datuk James Wong Kim Min* (*supra*).

H

Bagi Isu (f) Dan (g)

[95] Peguam pemohon yang terpelajar turut menghujahkan responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 10(3)(b) Akta itu. Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan peruntukan s. 10(3)(b) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

I

> Pada bila-bila masa apabila Lembaga, selepas menimbangkan dapatan Pegawai Siasatan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1), berpuas hati berhubung dengan mana-mana orang bahawa-

(b) berdasarkan dapatan Pegawai Siasatan terdapat alasan yang mencukupi untuk mempercayai bahawa orang itu adalah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan, Lembaga hendaklah meneruskan menurut Bahagian III, IV dan IVA Akta ini.

[96] Peguam pemohon yang terpelajar menegaskan Bahagian III berkenaan dengan pendaftaran mereka yang dipercayai menganggotai mana-mana kategori boleh didaftarkan. Peruntukan ini secara jelas menetapkan hanya setelah berpuas hati dengan dapatan pegawai siasatan barulah Lembaga teruskan dengan tindakan-tindakan di bawah Bahagian III, IV dan IVA Akta tersebut.

[97] Mengikut perenggan 11, afidavit jawapan Intan bertarikh 12 Disember 2014, ia telah melaporkan kepada pendaftar Superintendan Polis Mohamad Azlin bin Sadari ("Azlin") bahawa nama pemohon perlu didaftar selaras dengan s. 12(1) Akta itu. Perenggan 5, afidavit jawapan Azlin bertarikh 26 November 2014, mengesahkan bahawa nama pemohon telah didaftar di dalam daftar pada 2 Jun 2014.

[98] Pengerusi Lembaga Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid ("Kamal") melalui afidavit jawapan bertarikh 16 Disember 2014, di perenggan 8 telah mengesahkan bahawa Lembaga yang bersidang pada 3 Jun 2014 telah mengesahkan dapatan pegawai siasatan bahawa pemohon adalah orang yang termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan dalam perenggan 1(ii), bahagian 1, jadual pertama Akta tersebut.

[99] Seterusnya dihujahkan jelas di sini nama pemohon telah didaftarkan pada 2 Jun 2014 iaitu sebelum Lembaga bersidang dan mengesahkan dapatan pegawai siasatan pada 3 Jun 2014. Sebenarnya mengikut s. 10(3)(b) Akta itu tindakan selanjutnya setelah berpuas hati dengan dapatan pegawai siasatan hendaklah dilakukan oleh Lembaga itu sendiri dan bukan pegawai siasatan.

[100] Dalam kes ini, pegawai siasatan telah terus melaporkan kepada pendaftar bahawa nama pemohon perlu didaftarkan dan seterusnya pendaftar telah mendaftarkan nama pemohon sebelum mendapat pengesahan dari Lembaga. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan bidang kuasa pegawai siasatan berakhir setakat menyediakan dapatannya sahaja di mana tindakan seterusnya adalah di bawah tanggungjawab Lembaga. Apa yang dilakukan oleh pegawai siasatan adalah *ultra vires* kuasa yang diberikan kepadanya seperti yang ditetapkan di bawah s. 9 Akta itu.

[101] Mengikut s. 15(1) Akta itu perintah pengawasan polis hanya boleh dikeluarkan setelah nama seseorang itu didaftarkan dalam daftar. Pengesahan Lembaga tentang dapatan pegawai siasatan. Pendaftaran nama pemohon dalam daftar merupakan pra-syarat kepada kuasa Lembaga di bawah s. 15 Akta itu untuk mengeluarkan perintah pengawasan polis. Walau bagaimana pun, pendaftaran nama pemohon telah dibuat tanpa pengesahan dan arahan

dari Lembaga dan dengan ini telah melanggari prosedur yang ditetapkan di bawah s. 10(3)(b) Akta itu dan tidak sah. Oleh kerana pendaftaran nama pemohon adalah tidak sah, maka perintah pengawasan (eks. "AK-1" dalam afidavit jawapan Kamal bertarikh 16 Disember 2014) yang dikeluarkan pada 4 Jun 2014 terhadap pemohon adalah juga tidak sah. Keputusan dalam kes Mahkamah Persekutuan *Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 4 CLJ 687; [2006] 6 MLJ 403 telah menetapkan ratio yang boleh diguna pakai dalam kes sekarang:

> Muka surat 689 (CLJ); 413 (MLJ)
>
> The reports specified in ss. 6(1)(a) and (b) of the Act play a very significant role in the making of a detention order against a person. The Minister must consider these reports before making a detention order. They are therefore pre-conditions to the exercise of power under s. 6(1) of the Act. They are part of the decision making process and not the decision itself. Thus they amount to procedural requirements governing the exercise of discretion by the Minister in making a detention order within the meaning of s. 11C of the Act. A breach of this requirement is therefore subject to judicial review.

[102] PKP yang terpelajar dalam menentang hujahan peguam pemohon yang terpelajar telah membawa perhatian mahkamah ini kepada peruntukan s. 12 Akta itu berkaitan pendaftaran seseorang yang boleh daftar bagi menjadikan orang tersebut sebagai 'registered person'. Peruntukan ini secara amnya mengkehendaki seseorang pendaftar jenayah bagi tujuan Akta itu untuk memasukkan nama setiap orang ke dalam daftar.

[103] Terdapat dua kategori orang yang boleh didaftarkan iaitu seperti berikut:

(a) Kategori pertama iaitu di bawah s. 12(1)(a) iaitu sesiapa yang telah dilaporkan oleh pegawai inkuiri yang beliau mempunyai alasan yang munasabah mempercayai anggota kategori yang boleh didaftarkan; dan

(b) Kategori kedua iaitu sesiapa yang tidak memohon review atau bila mana Lembaga mengesahkan dapatan oleh pegawai inkuiri di bawah s. 10(2); atau Lembaga telah membuat atau mengesahkan keputusan di bawah s. 10(3)(b).

[104] PKP yang terpelajar selanjutnya menghujahkan kedua-dua kategori ini dibaca secara berasingan atau dengan kata yang lain, pendaftar boleh mendaftar mana-mana orang yang termasuk di dalam mana-mana kategori atau termasuk di dalam kedua-dua kategori. Jika seseorang telah dilaporkan oleh pegawai inkuiri yang beliau mempunyai alasan yang munasabah mempercayai anggota kategori yang boleh didaftarkan, pendaftar boleh mendaftarkan nama orang tersebut di dalam daftar yang sekali gus menjadikannya 'registered person'.

[105] PKP yang terpelajar menghujahkan bersandarkan pertamanya kepada perkataan 'who' yang wujud di dalam perenggan (a) dan (b) di dalam s. 12(1) tersebut. Perkataan 'who' tersebut dengan automatik menjadikan 'every person' tersebut bukan semestinya mempunyai kedua-dua kategori di dalam (a) dan (b). Ia akan hanya boleh ditafsir memerlukan kedua-dua kategori jika perkataan 'who' tersebut diwujudkan selepas perkataan 'every person' dan ditiadakan di dalam perenggan (a) dan (b).

[106] Selanjutnya, responden juga berhujah untuk mentafsirkan pendaftar hanya boleh mendaftarkan seorang yang memenuhi kedua-dua kategori akan berhadapan dengan senario yang tidak logik. PKP yang terpelajar menghujahkan di dalam perenggan (b) turut dinyatakan kategori terakhir iaitu; "whom Board has confirmed the decision under 10(3)(b)". Kategori terakhir ini berdasarkan kepada s. 10(3) Akta itu di mana ia timbul apabila pegawai inkuiri membuat laporan di bawah s.10(1) Akta itu tiada alasan yang mencukupi untuk mempercayai bahawa seseorang subjek tergolong di dalam kategori boleh daftar dan Lembaga berdasarkan s. 10(3)(b) Akta itu boleh mengenepikan laporan pegawai inkuiri tersebut dan meneruskan tindakan di bawah Part III, IV dan IVA.

[107] PKP yang terpelajar menghujahkan bagi orang yang berada di dalam kategori ini, sama sekali mereka tidak tergolong di dalam kategori di perenggan (a) (iaitu s. 12(1)(a) Akta itu). PKP yang terpelajar menghujahkan, jika hanya seseorang yang tergolong di dalam kedua-dua kategori boleh didaftarkan oleh pendaftar ia akan menjadikan peruntukan berkaitan kategori yang terakhir ini sebagai 'mockery' dan tidak dapat dilaksanakan. Secara kesimpulannya, adalah dihujahkan bahawa pendaftar boleh mendaftarkan seseorang apabila dia tergolong sama ada di dalam mana-mana kategori atau di dalam kedua-dua kategori.

[108] Berkaitan dengan kes ini, tidak dinafikan bahawa Lembaga yang bersidang pada 3 Jun 2014 telah mengesahkan dapatan pegawai inkuiri bahawa pemohon adalah termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan dalam perenggan 1(ii), bahagian 1, jadual pertama Akta itu. Selanjutnya, juga tidak dinafikan bahawa nama pemohon telah didaftarkan pada 2 Jun 2014 sebelum Lembaga bersidang dan mengesahkan dapatan pegawai siasatan pada 3 Jun 2014.

[109] Dalam hal ini, pertamanya responden menegaskan bahawa peruntukan s. 10(3)(b) Akta itu tidak terpakai dalam kes di hadapan mahkamah ini. PKP yang terpelajar menghujahkan kes pemohon tertakluk di bawah s. 10(2) Akta itu di mana pegawai inkuiri berpuas hati ada alasan-alasan yang munasabah mempercayai bahawa pemohon ialah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan. Peruntukan s. 10(3)(b) Akta itu hanya terpakai bagi kes yang melibatkan peruntukan di bawah s. 10(1) Akta itu dalam keadaan di mana pegawai inkuiri tidak berpuas hati.

[110] Keadaan 'berpuas hati' pegawai inkuiri ada diikrarkan dalam afidavit jawapan beliau di perenggan 7 yang menyatakan bahawa:

> 7. Setelah mendengar dan menimbangkan keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh Pemohon, saya telah mendapati dan berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa Pemohon ialah anggota kepada mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang …, dan oleh itu Pemohon adalah termasuk dalam Kategori Yang Boleh Didaftarkan, …

[111] PKP yang terpelajar pada akhirnya menyimpulkan tindakan pendaftar mendaftarkan nama pemohon sebelum mendapat pengesahan daripada Lembaga tidak bersalahan dengan mana-mana peruntukan undang-undang di bawah Akta itu. Sebaliknya tindakan yang dilaksanakan oleh pegawai inkuiri dan pendaftar jenayah adalah selaras dengan peruntukan di bawah s. 12 dan s. 15 Akta itu.

[112] PKP yang terpelajar menghujahkan pendaftaran nama pemohon dilakukan sendiri oleh Lembaga dan tindakan pegawai inkuiri *ultra vires* merupakan hujahan yang khilaf. PKP yang terpelajar menegaskan sekali lagi menurut s. 12(1) Akta itu tugas untuk melaporkan kepada pendaftar nama pemohon termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan merupakan tanggungjawab pegawai inkuiri dan bukan Lembaga Pencegahan Jenayah berdasarkan kategori-kategori yang dihujahkan di atas.

[113] PKP yang terpelajar menarik perhatian mahkamah ini kepada peruntukan s. 15(1) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> 15. Pengawasan Polis.
>
> Lembaga boleh melalui perintah mengarahkan mana-mana orang berdaftar yang dinamakan dalam Perintah itu supaya tertakluk kepada pengawasan polis bagi apa-apa tempoh tidak melebihi lima tahun, jika Lembaga berpuas hati bahawa adalah perlu kawalan dan pengawasan dilaksanakan ke atas orang yang berdaftar itu tetapi adalah tidak perlu menahannya dan boleh membaharui mana-mana perintah sedemikian bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh lanjutan tidak melebihi lima tahun pada sesuatu masa; …

[114] PKP yang terpelajar menghujahkan s. 15(1) Akta itu ini dengan jelas memperuntukkan bahawa Lembaga boleh memerintahkan supaya pemohon dikenakan pengawasan polis selepas namanya didaftarkan oleh pendaftar jenayah. Ini kerana, kuasa Lembaga untuk membuat perintah tersebut bagi 'mana-mana orang berdaftar'. Dihujahkan juga bahawa tiada sebarang peruntukan undang-undang yang memperuntukkan bahawa Lembaga perlu terlebih dahulu mengesahkan nama pemohon sebelum namanya didaftarkan oleh pendaftar jenayah. Inilah juga sebab mengapa peruntukan s. 14 Akta tersebut digubal yang begitu jelas memperuntukkan bahawa, "Lembaga

boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya mengarahkan pendaftar mengeluarkan nama mana-mana orang daripada daftar, dan sesudah itu orang itu adalah terhenti daripada menjadi seorang berdaftar, …".

[115] PKP menghujahkan berdasarkan peruntukan s. 14 Akta itu, nama pemohon perlu terlebih dahulu didaftarkan oleh pendaftar jenayah dan selepas itu sekiranya Lembaga mengesahkan bahawa nama pemohon termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan di bawah Akta tersebut, maka nama pemohon akan kekal di dalam daftar dan perintah pengawasan boleh dikeluarkan oleh Lembaga. Namun begitu, jika Lembaga mengesahkan sebaliknya, maka nama pemohon boleh dikeluarkan daripada daftar.

[116] PKP yang terpelajar menoktahkan penghujahannya dengan menyatakan tiada tindakan *ultra vires* di pihak pegawai inkuiri dan ditegaskan juga perintah yang dibuat oleh Lembaga adalah menurut undang-undang. Selebihnya dihujahkan s. 10(3)(b) Akta itu tidak relevan dan tidak terpakai dalam konteks kes yang dibicarakan di hadapan mahkamah pada hari ini.

Pendapat Mahkamah Ini

[117] Mahkamah ini telah menghalusi penghujahan peguam pemohon yang terpelajar berkaitan isu (f) dan (g). Secara ringkasnya, peguam pemohon yang terpelajar menjurus kepada kegagalan responden-responden mematuhi peruntukan s. 10(3)(b) Akta itu apabila pegawai siasatan telah mendaftarkan nama pemohon sebagai 'registered person' pada 2 Jun 2014 sebelum Lembaga Pencegahan Jenayah bersidang dan mengesahkan dapatan pegawai siasatan pada 3 Jun 2014.

[118] Sebaliknya, PKP yang terpelajar peruntukan s. 12(1)(a) dan (b) Akta itu perlu dibaca secara berasingan (disjunctive) dan bukannya secara bersama. Pegawai siasatan boleh meminta pendaftar mendaftarkan nama pemohon terlebih dahulu dan tidak perlu menunggu Lembaga bersidang sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam pemohon.

[119] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar yang menyatakan peruntukan s. 12(1)(a) dan (b) Akta itu perlu dibaca secara berasingan (disjunctive) dan bukannya bersama-sama. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar, pendaftaran nama pemohon dalam bahagian III hanya akan dilakukan selepas Lembaga mengesahkan dapatan pegawai siasatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 10(3)(b) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat tindakan pendaftar yang mendaftarkan nama pemohon pada 2 Jun 2014 sebelum ianya disahkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah pada 3 Jun 2014 ianya bercanggah dengan peruntukan yang berkaitan.

[120] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s. 10(3)(b) Akta itu perlu dibaca bersama dengan peruntukan ss. 12(1)(a) dan (b) Akta itu. Mahkamah ini sedar dalam memberikan tafsiran peruntukan undang-undang yang melibatkan kebebasan individu, pendekatan yang memihak kepada pemohon perlu diberikan.

[121] Mahkamah ini dengan hormatnya tidak bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar dalam isu ini. Mahkamah ini berpendapat tindakan pendaftar yang mendaftarkan nama pemohon lebih awal iaitu pada 2 Jun 2014 sebelum ianya disahkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah merupakan suatu ketidakpatuhan prosedur yang memihak kepada pemohon.

Peruntukan S. 10(4) Akta Itu

[122] Peguam pemohon yang terpelajar dalam mempertikaikan perintah itu bergantung kepada isu yang terakhir iaitu kegagalan pihak responden-responden mematuhi peruntukan s. 10(4) Akta itu. Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan peruntukan s. 10(4) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> Jika Lembaga mengambil suatu keputusan di bawah perenggan (3)(b), ia hendaklah menghantar suatu salinan keputusannya kepada pegawai yang mempunyai jagaan orang itu, yang hendaklah kemudiannya menyampaikan satu salinan keputusan Lembaga kepada orang itu.

[123] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 10(4) Akta itu secara jelasnya ianya perkara wajib orang yang ditahan diserahkan sesalinan keputusan Lembaga.

[124] Pemohon melalui afidavit balasannya (tersilap dinamakan sebagai afidavit sokongan) bertarikh 24 Disember 2014 di perenggan 15(ii) telah mengesahkan tidak diserahkan dengan keputusan Lembaga yang bersidang pada 3 Jun 2014. Dalam perenggan 13 afidavit balasannya bertarikh 26 Januari 2015, Sukri telah menegaskan bahawa tidak ada keperluan undang-undang bagi keputusan Lembaga diserahkan kepada pemohon.

[125] Penegasan Sukri ini jelas membuktikan bahawa keputusan Lembaga sememangnya tidak diserahkan kepada pemohon. Kegagalan untuk menyerahkan sesalinan keputusan Lembaga dan diterangkan kandungannya telah menyebabkan pelanggaran prosedur yang ditetapkan di bawah s. 10(4) Akta itu.

[126] Mahkamah ini turut dirujukkan *Parasuraman Velu v. Ketua Polis Negara, Malaysia & Ors* [2006] 1 LNS 248; [2006] 5 MLJ 764 yang menyatakan:

> The first non-compliance is that there was no evidence whatsoever from the respondents in any of their affidavits to show that Form II (Notice of hearing of representation) was indeed **served on the applicant** and if so by whom and or whether it was **explained and translated** to the applicant in the language that he understood … (emphasis added)

> Secondly, it is also an established principle of law that the only ground on which an applicant can rely on to challenge the validity of his detention under a detention order is procedural non-compliance on the part of the respondents of any procedural requirement under the law as provided in s. 11C of the Act. Courts cannot create procedural requirements when there are none provided in the law.
>
> So it is incumbent on the courts to examine the existing provisions of the law under which the detention order was made in order to determine whether there is any procedural non-compliance of any requirement under the law on the part of the respondents which is subject to judicial review.

[127] Sebaliknya, PKP yang terpelajar menghujahkan peruntukan s. 10(4) Akta itu tidak relevan dan dihujahkan peruntukan s. 10(3)(b) Akta itu tidak terpakai dalam kes pemohon. PKP yang terpelajar menghujahkan peruntukan yang terpakai ialah s. 10(2) Akta itu.

[128] Berhubung dengan keputusan Lembaga yang tidak diserahkan kepada pemohon, pihak responden-responden merujuk keterangan Inspektor Polis Mohamad Sukri bin Ishak bahawa sememangnya tiada keperluan undang-undang bahawa keputusan Lembaga diserahkan kepada pemohon. Responden-responden sekadar ingin menegaskan sekali lagi keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* (*supra*) yang telah memutuskan:

> It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules.

[129] Walau bagaimanapun, perintah pengawasan sepertimana dalam eks. 'MSS1' dalam afidavit ASP Megat Shamsul Suffian bin Megat Mohd Lisha yang telah diterangkan isi kandungannya kepada pemohon oleh Lans Koperal Azulliana binti Mohd Rahim iaitu pegawai bertugas di Balai Polis Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan (yang telah menerima pemohon) adalah sebenarnya menjelaskan bahawa keputusan Lembaga telah disampaikan kepada pemohon (perenggan 6 afidavit Lans Koperal Azulliana binti Mohd Rahim).

Pendapat Mahkamah Ini

[130] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar iaitu responden-responden gagal mematuhi peruntukan s. 10(4) Akta itu kerana gagal menyerahkan sesalinan keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah kepada pemohon dengan serta-merta. Mahkamah ini telah menimbangkan afidavit yang diikrarkan oleh Inspektor Mohamad Sukri Bin Ishak (lampiran (33)) di perenggan 13 secara jujurnya mengakui tidak berbuat sedemikian kerana pada hemahnya tiada keperluan undang-undang untuk berbuat sedemikian. Mahkamah ini ingin memetik perenggan 13 yang menyatakan seperti berikut:

A 13. Merujuk perenggan 15 (ii) Afidavit Balasan Ketiga dan perenggan 8 dan 9 (iv) Afidavit Balasan Keenam, saya sesungguhnya menyatakan bahawa tidak ada keperluan undang-undang bagi keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah diserahkan kepada Pemohon.

[131] Mahkamah ini mengguna pakai alasan yang sama bagi maksud
B 'dengan serta-merta' sebagaimana yang diperincikan dalam isu (e) di atas.

[132] Mahkamah ini berpendapat ianya suatu kecacatan prosedur yang mewajarkan pemohon mempertikaikan perintah itu.

[133] Kesimpulannya, berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas
C mahkamah ini membenarkan lampiran (2) dengan kos sebanyak RM1,500.

D

E

F

G

H

I